



Tuanku Syed Faizuddin mencuba kereta solar sambil diperhatikan oleh Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashiah Khalil pada majlis Titian Kasih Mega di Kolej Vokasional.

(FOTO SHAHIDI SHAHIDAN/BH)

“  
Kemajuan  
dalam bidang  
teknikal seperti  
kejuruteraan  
dan teknologi  
maklumat amat  
diperlukan bukan  
saja di negara,  
malah di seluruh  
dunia”

Tuanku Syed  
Faizuddin  
Putra Jamalullail,  
Raja Muda Perlis

# ‘Negara perlu majukan bidang teknikal’

BH/23.1.13/311G/195.

**Arau:** Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, mahu pelajar memberi penekanan terhadap kepentingan pendidikan vokasional.

Baginda bertitah, murid perlu berada seiring dengan kemajuan teknologi dengan memberi tumpuan terhadap pengetahuan teknikal, sains dan teknologi supaya terus berdaya saing.

“Pelajar diharap dapat mengaplikasikan setiap ilmu yang dipelajari di kolej vokasional kerana negara kita menuju ke

arah dunia tanpa sempadan,” titah baginda pada Majlis Titian Kasih Mega Anjuran Yayasan Tuanku Syed Putra di Kolej Vokasional Arau, di sini, semalam.

Baginda bertitah, guru juga perlu menyedari kepentingan dalam memperkasakan institusi pendidikan vokasional dengan memastikan pelajar dapat dibentuk mengikut modal insan yang diharapkan.

## Guru tingkatkan kreativiti

“Antara langkah yang dapat

diambil guru adalah dengan meningkatkan kreativiti pengajaran dengan menggunakan alat bantuan pengajaran yang lebih baik. Malah, guru juga perlu sentiasa peka dengan menilai kelebihan dan kekurangan pelajar.

“Guru juga perlu memperbanyak latihan amali selain menggalakkan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum supaya dapat melahirkan pelajar yang cergas dari sudut fizikal dan mental,” titah baginda.

Raja Muda Perlis bertitah,

kerjasama yang baik dengan institusi dan industri juga diperlukan bagi memberi pendedahan kepada pelajar.

“Aspek lain seperti sahsiah, tingkah laku dan disiplin juga perlu dititikberatkan bagi melahirkan masyarakat yang kreatif dan mampu berfikir di luar kotak.

“Usaha dan program yang berkualiti juga perlu dilaksanakan untuk pelajar kerana mereka adalah pelapis bagi Malaysia mencapai negara maju menjelang 2020,” titah baginda.